

D188

R 8063 BAH
MAHATHIR - UMNO

KUALA LUMPUR, 6 JULAI (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI UMNO MALAM INI MEMUTUSKAN PERHIMPUNAN AGUNG PARTI ITU AKAN DIADAKAN SELAMA TIGA HARI MULAI 28 OKTOBER DENGAN PERLEMBAGAAN PARTI SEBAGAI AGENDA UTAMANYA.

PRESIDENNYA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PERLEMBAGAAN PARTI PERLU DIBINCANGKAN TERLEBIH DAHULU UNTUK DILULUSKAN BAGI MEMBOLEHKAN PEMILIHAN BAHAGIAN DAN CAWANGAN DIADAKAN.

+SEBELUM KITA MELULUSKAN PERLEMBAGAAN, KITA TIDAK BOLEH MENGADAKAN PEMILIHAN. JADI KITA PERLU MELULUSKAN PERLEMBAGAAN DAHULU UNTUK MEMBOLEHKAN PEMILIHAN BAHAGIAN DAN CAWANGAN DIADAKAN,+ TEGAS BELIAU.

BELIAU MENEGASKAN PERHIMPUNAN ITU AKAN DIHADIRI OLEH 11 ANGGOTA JAWATANKUASA PENAJA BAHAGIAN DARIPADA BAHAGIAN-BAHAGIAN DI SELURUH NEGARA YANG TELAH DILANTIK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO YANG BERLANGSUNG SELAMA KIRA-KIRA TIGA JAM MULAI PUKUL 8 MALAM DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI MALAM INI. -- LAGI .

0040MST 07 07 88

D189

R 8064 BAH
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA PULA AKAN MENGADAKAN SATU PERJUMPAAN YANG AKAN MENDENGAR UCAPAN TIMBALAN PRESIDEN PARTI, SEHARI SEBELUM PERHIMPUNAN ITU BERMULA.

MENGENAI PERLEMBAGAAN PARTI, BELIAU BERKATA MAJLIS TERTINGGI MENERIMA SEBULAT SUARA PINDAANNYA DAN IA AKAN DICETAK UNTUK DIEDARKAN AWAL SEPT INI.

DUA MESYUARAT DIADAKAN MALAM INI, IAITU MESYUARAT KHAS UNTUK MELULUSKAN PINDAAN PERLEMBAGAAN ITU DAN SATU LAGI MESYUARAT UNTUK MELULUSKAN PERATURAN PERSIDANGAN MESYUARAT AGUNG BAHAGIAN DAN CAWANGAN.

BELIAU BERKATA MAJLIS TERTINGGI JUGA MELULUSKAN PENDAFTARAN 566,865 ORANG ANGGOTA YANG DITERIMA SETAKAT INI, DI SAMPING 8,668 BUAH CAWANGAN DI SELURUH NEGARA DAN MENGIKTIRAF KELAB-KELAB UMNO LUAR NEGERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI SAMPING ITU, MAJLIS TERTINGGI MENGESAHKAN PERLANTIKAN TAMBAHAN 13 ANGGOTA JAWATANKUASA BAHAGIAN KEPADA JAWATANKUASA YANG TELAH DILANTIK. -- LAGI

0042MST 07 07 88

0190

R 8065 BAH
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR

MAJLIS TERTINGGI JUGA MENGESAHKAN PERLANTIKAN KETUA PERGERAKAN PEMUDA DAN PERGERAKAN WANITA, KATA BELIAU SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA JIKA TERDAPAT ANGGOTA PARTI YANG TIDAK BERPUASHATI SEPERTI TIDAK MENDAPAT BORANG KEANGGOTAAN HENDAKLAH MERAYU PADA BADAN PERHUBUNGAN NEGERI SEBELUM PERHIMPUNAN AGUNG.

SELAIN ITU, MAJLIS TERTINGGI MEMBERI SOKONGAN PENUH KEPADA DATUK DR SERI MAHATHIR TERHADAP TINDAKAN YANG DIAMBIL KE ATAS TUN SALLEH ABBAS YANG DIGANTUNG JAWATANNYA SEBAGAI KETUA HAKIM NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MEMBERIKAN PENERANGAN MENGENAI PERKEMBANGAN SEMASA DALAM NEGARA DAN LATARBELAKANG TINDAKAN YANG DIAMBIL KE ATAS LIMA HAKIM MAHKAMAH AGUNG YANG DIGANTUNG DARIPADA MENJALANKAN TUGAS MULAI HARI INI.

MEREKA IALAH TAN SRI WAN SULEIMAN PAWAN TEH, DATUK GEORGE BEAH, TAN SRI AZMI KAMARUDDIN, TAN SRI EUSOFFE ABDOLCADER DAN TAN SRI WAN HAMZAH SALLEH.

-- BERNAMA

0043MST 07 07 88